

05 MAY 2004

Mahathir-Peraturan

PERATURAN BERHUBUNG PELABURAN ASING ADALAH PERLU, KATA DR MAHATHIR

Oleh: Shakir Husain

ABU DHABI, 5 Mei (Bernama) -- Ketiadaan peraturan yang menyebabkan pelabur dibiarkan tanpa sebarang kawalan terhadap aktiviti mereka mungkin tidak membantu ekonomi negara-negara yang menerima Pelaburan Langsung Asing (FDI), kata bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

"FDI telah dikatakan sebagai penyumbang paling penting kepada pertumbuhan ekonomi, namun ia akan hanya dapat dicapai sekiranya diuruskan dengan berhati-hati," katanya.

"Malaysia telah banyak memperolehi keuntungan daripada pelaburan langsung asing. Tapi ini disebabkan kawalan serta peraturan negara keatas pelaburan tersebut. Tanpa kawalan ini, pelaburan asing mungkin tidak akan menguntungkan negara," katanya dalam satu persidangan serantau di Abu Dhabi hari ini.

Persidangan itu membincangkan isu-isu yang menarik berhubung pelaburan asing dalam sektor yang tidak berkaitan dengan minyak di enam negara Majlis Kerjasama Teluk (GCC).

"FDI yang tidak dikawal atau dikenakan peraturan, mungkin akan membantu negara-negara yang berhasrat untuk mengukuhkan pertumbuhan ekonomi mereka. Tapi adalah penting negara itu faham dengan bahaya yang terdedah kepada mereka," kata Dr Mahathir.

Bercakap mengenai pengalaman Malaysia dalam menarik FDI, bekas Perdana Menteri berkata negara kini tidak lagi terlalu bergantung kepada FDI.

"Kerana Malaysia kini telah memperolehi kemahiran dalam bidang pembuatan, kami tidak lagi terlalu bergantung kepada FDI. Kami masih mahu menarik kehadiran mereka, tetapi pelaburan kami sendiri telah menandingi kelembapan dalam aliran FDI. Kekuatan tempatan adalah penting," katanya.

"Semasa banyak negara mahukan FDI, para pelabur akan lebih banyak membuat tuntutan. Akhirnya keuntungan dari FDI akan menjadi semakin berkurangan," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata sejak kebelakangan, Malaysia terpaksa bersaing dengan China dengan "kos buruhnya yang sangat rendah" kepada FDI.

"Kami tidak punyai pilihan kecuali menawarkan tawaran lebih baik.

Dengan mengkaji kelebihan yang ditawarkan oleh China dan yang ditawarkan oleh kita, kita akan dapat mengetengahkan kelebihan Malaysia," katanya.

Bercakap kepada media kemudiannya, Dr Mahathir menggesa negara-negara GCC untuk mencari jalan bagi mengurangkan pergantungan mereka kepada pekerja asing memandangkan blok Arab kini sedang bergerak kearah mempelbagaikan ekonomi yang berasaskan petroleumnya.

"Fokus kepada kepelbagaian ekonomi harus berkisar kepada teknologi tinggi dan industri berasaskan pengetahuan," katanya.

-- BERNAMA

SKH KHY ZUL AZH